

AWAS KESELAMATAN ANAK DI RUMAH



Keselamatan bayi dan kanak-kanak, sememangnya menjadi keimbangan ibu bapa. Tidak kira sama ada di rumah, apatah lagi di luar 'pandangan' dan kawalan ibu bapa, kanak-kanak adalah golongan paling mudah terdedah dan paling kerap mengalami kecederaan.

Jatuh, keracunan, lemas, kebakaran, melecur, tercedik atau terkena kejutan elektrik, lazimnya kecederaan paling kerap berlaku di rumah. Walau bagaimanapun, adalah jatuh, sementara kecederaan teruk yang boleh mengakibatkan maut pula ialah keracunan dan kebakaran.

Tip berikut boleh dijadikan panduan kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak bagi mengelak kecederaan atau kemalangan seperti itu di dalam rumah mahupun persekitarannya.

JATUH

- Jangan tinggalkan bayi bersendirian di katil, sofa atau meja menukar lampin. Jika hendak menjawab telefon atau membuat kerja lain, bawa bayi bersama.
- Jauhkan daripada bermain di beranda atau bumbung rumah.
- Jauhkan perabot dari tingkap kerana anak boleh memanjat perabot yang berhampiran.
- Jangan tinggalkan anak yang berumur 1-2 tahun di dalam bilik mandi bersendirian. Pastikan ubin bilik mandi daripada jenis yang tidak licin.
- Pastikan tangga tidak gelap dan tiada barang-barang bertaburan. Kawasan tangga uakannya tempat untuk bermain.
- Gunakan pagar keselamatan di atas dan di bawah tangga untuk mengelakkan anak daripada turun naik tangga sesuka hati/tanpa pengawasan.
- Alat bertatih (walker) berbahaya jika anak tidak diawasi. Alat ini tidak akan mempercepatkan anak mula berjalan. Alat ini tidak akan mempercepatkan anak mula berjalan.
- Jika buai sarung digunakan, pastikan:
 - Anak berumur kurang daripada 6 bulan.
 - Alaskan lantai di bawah buai dengan tilam atau bantal.
 - Jangan beli buai yang beroda.
 - Anak-anak lain tidak bermain berhampiran dengan bayi di dalam buai.

FERACUNAN

- Semua jenis ubat/racun harus disimpan di dalam almari berkunci atau tempat yang tinggi dan selamat.
- Jangan letak minyak tanah atau cecair berbahaya lain di dalam bekas botol minuman yang terbiar kerana anak-anak akan menyangka bahawa air di dalam botol itu boleh diminum. Cecair beracun patut disimpan di dalam botol yang bertabel dan disimpan di dalam almari berkunci sekurang-kurangnya 1.75 meter dari paras lantai.
- Jangan makan ubat di hadapan anak kerana anak kerap meniru perbuatan ibu, bapa atau ahli keluarga lain terutama ubat yang tidak bersesuaian dengan mereka.
- Ubat harus disimpan di dalam bekas yang tidak dapat dibuka anak (child resistant container). Bekas-bekas ini ada dijual di farmasi. Jika ada anak di rumah, jangan simpan banyok ubat.
- Racun tikus amat berbahaya. Jangan letakkan di lantai tempat anak sering bermain. Racun tikus mesti diletakkan di kawasan yang tidak dapat dilihat dan diambil oleh anak, lebih elok jika Perangkap tikus digunakan kerana ia lebih selamat.

LEMAS

- Jangan biarkan anak berseorangan di dalam bilik air sekiranya hendak menjawab telefon, keluar mengambil barang dan sebagainya walaupun seketika. Bawalah anak bersama.
- Pastikan takungan air di dalam baldi, tempayan atau telaga sentiasa ditutup jika tidak digunakan.
- Ajar anak yang berumur lebih daripada 3 tahun cara berenang. Walaupun diberi tunjuk ajar, awaslah mereka apabila berenang.
- Awasi anak apabila berjalan berhampiran sungai, kolam air, di tepi pantai, Pantai dan longkang di tepi jalan berbahaya jika hari hujan.
- Jauhkan anak daripada berenang di kawasan yang tidak dapat diawasi seperti sungai, bekas lombong dan laut yang dalam.
- Sekiranya di rumah mempunyai kolam renang, ia harus dipagari apabila tidak digunakan. Tindakan ini dapat mengelakkan anak kecil daripada berlari dan terjatuh ke dalamnya.
- Pastikan lantai sentiasa bersih bagi mengelak tergelincir disebabkan licin dan sebagainya.

KEBAKARAN DAN MELECUR

- Jauhkan anak kecil dari dapur kerana di situ lah air panas, minyak panas dan masakan panas disiapkan dan kemalangan boleh berlaku.
- Jangan tinggalkan anak kecil berseorangan apabila makanan atau minuman panas dikhidangkan di atas meja.
- Sampah scrap harus dibakar oleh orang dewasa dan bukannya anak kecil. Jangan buang tin 'aerosol' ke dalam api kerana ia boleh meletup.
- Jangan biarkan anak bermain mercun. Tiap-tiap tahun menjelang hari perayaan, ramai anak tercedera akibat bermain mercun.
- Kunci semua bahan api seperti minyak tanah, petrol dan lain-lain lagi.